

# **UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

UTM.J.02.01/10.12/2 ( 41 )

5 Ogos 2021  
27 Zulhijjah 1442

## **PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 37/2021**

### **PELAKSANAAN TUNTUTAN BANTUAN DATA INTERNET DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 14/2021 bertarikh 26 Julai 2021 telah meluluskan Pelaksanaan Tuntutan Bantuan Data Internet di Universiti Teknologi Malaysia sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 sehinggalah arahan penamatan PKP oleh Kerajaan.

2. Syarat permohonan bantuan data internet adalah seperti berikut:
  - 2.1 Permohonan terbuka kepada staf Universiti Gred 1 hingga Gred 54 seperti pelaksanaan pada PKP 1.0.
  - 2.2 Permohonan boleh dibuat dengan pengesahan Ketua Jabatan berdasarkan kriteria berikut:
    - i. Beban tugas yang dijalankan oleh staf memerlukan penggunaan internet.
    - ii. Staf terlibat sebagai urus setia mesyuarat berkala secara bulanan atau mingguan.
    - iii. Menguruskan bengkel, forum, kursus dalam talian dan lain-lain aktiviti dalam talian untuk Universiti, jabatan, seksyen dan unit.
    - iv. Menguruskan pengesahan permohonan, memasukkan data sistem-sistem utama Universiti demi memastikan kelancaran proses penyampaian perkhidmatan kepada staf, pelajar dan pihak luar dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.
    - v. Menyediakan dokumen berupa kertas kerja, slaid, laporan yang memerlukan carian maklumat secara dalam talian.
    - vi. Tidak terpakai untuk staf yang tidak memerlukan tugas secara dalam talian, staf hanya menggunakan internet untuk pertemuan mingguan dengan PTJ atau menghadirkan diri untuk kursus yang berupa perkongsian ilmu.

2.3 Kadar tuntutan adalah maksimum RM70.00 sebulan bagi setiap staf melalui peruntukan Vot Mengurus Jabatan (SODO B29114) masing-masing.

3. Pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai **12 Mei 2021** (tarikh kuat kuasa PKP 3.0) sehingga arahan penamatkan PKP oleh Kerajaan. Lain-lain maklumat berkaitan Tuntutan Bantuan Data Internet boleh dirujuk di laman web <https://registrar.utm.my/bsm/bantuan-data-internet/>.


5. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta untuk mengambil maklum mengenai pemberian Pelaksanaan Tuntutan Bantuan Data Internet di Universiti Teknologi Malaysia sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 sehingga tempoh PKP ditamatkan. Maklumat lanjut berhubung Pekeliling boleh dimuat turun melalui Sistem UTMHR <https://hrfin.utm.my/smu> atau merujuk kepada Seksyen Perkhidmatan & Saraan, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar, Universiti Teknologi Malaysia.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“Prihatin Rakyat: Darurat Memerangi COVID-19”**

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAHUDDIN)**

Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor  
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)  
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)  
- Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)  
- Pengarah Pusat Penyelidikan – UTM Pagoh  
- Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah